

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF
[JEMPOL]
TARIKH : 22 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 10

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan terkini berhubung cadangan pelaksanaan teksi motosikal atau GoJek dan jaminan keselamatan terhadap penunggang serta pembonceng.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan pada masa ini sedang dalam proses membangunkan rangka perundangan dan syarat-syarat perkhidmatan *bike-hailing* (iaitu satu aktiviti yang menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam dan barangan menggunakan motosikal).
2. Dalam hubungan ini, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715] telah menetapkan bahawa tiada seorang pun boleh mengendalikan atau mengadakan sesuatu perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam atau kenderaan barangan melainkan telah memegang sesuatu lesen yang yang dikeluarkan di bawah Akta ini.

NO. SOALAN: 10

3. Kementerian Pengangkutan mendapati bahawa perkhidmatan *bike-hailing* ini mempunyai konsep perkhidmatan yang sama dengan perkhidmatan kenderaan *e-hailing* di mana penempahan atau transaksi bagi perkhidmatan pengangkutan awam adalah dibuat menerusi aplikasi di atas talian (*online application*). Perkara utama yang membezakan di antara perkhidmatan *e-hailing* dan *bike-hailing* ini hanyalah dari segi jenis kenderaan yang digunakan.
4. Oleh yang demikian, perkhidmatan *bike-hailing* juga akan dikawalselia dan dilesenkan dengan berasaskan syarat-syarat yang setara sebagaimana telah ditetapkan ke atas perkhidmatan *e-hailing*. Perkara ini adalah bertujuan bagi menjaga kebajikan dan keselamatan orang awam yang akan menggunakan perkhidmatan tersebut. Di samping itu ianya akan memastikan satu ekosistem perkhidmatan yang mempunyai peraturan yang seragam dan adil dapat disediakan. Selain pengawalseliaan perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam menggunakan motosikal, perkhidmatan penghantaran barangan menggunakan motosikal juga akan dikawalselia dan dilesenkan.
5. Pengawalseliaan ini akan melibatkan pindaan ke atas undang-undang sedia ada iaitu Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, Akta Lembaga Kenderaan Perdagangan 1987, Akta Pengangkutan Jalan 1987 serta kaedah-kaedah yang berkaitan di bawah undang-undang tersebut.
6. Kementerian akan memaklumkan semula mengenai rangka perundangan dan syarat-syarat perkhidmatan apabila proses kajian berkenaan telah dimuktamadkan serta setelah mendapat persetujuan daripada Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.